

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Naib Presiden UMNO Malaysia, Encik Ghafar Baba dilantik menjadi Pengarah Operasi Pilihanraya, demikian diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam pula dilantik sebagai Pengarah Penerangan dan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh bertanggungjawab mengenai kewangan.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO Malaysia memengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Ibupejabat UMNO di sini hari ini.

Beliau memberitahu para pemberita selepas mesyuarat itu, dengan perantikan itu

# PM ADA KUASA PILIH CALON2

bermakna pilihanraya sudah diambang pintu.

"Saya telah meminta penjelasan mengenai persiapan parti menghadapi pilihanraya," katanya.

Menurut Perdana Menteri lagi, Majlis Tertinggi UMNO telah memberikan mandat kepada beliau selaku Presiden parti membuat penentuan akhir pemilihan calon-calon peringkat Negeri dan Persekutuan.

"Semua pihak mesti mematuhi pemilihan itu," ujarnya.

Mengenai tarikh pilihanraya, beliau berkata,

di peringkat ini beliau belum boleh mengumumkannya kerana perlu berunding dengan rakan-rakan Barisan Nasional dahulu.

"Apa yang boleh saya beritahu ialah tarikh pembubaran Parlimen. Saya berjanji mengumumkan tarikh itu petang ini," katanya.

Menurutnya, hari penamaan calon dan pembuangan undi adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihanraya yang akan diumumkannya nanti.

Mengikut Perlembagaan, pilihanraya

mesti diadakan dalam masa 60 hari selepas Yang di-Pertuan Agong memperkenalkan pembubaran Parlimen.

Bagaimanapun bagi Sabah dan Sarawak, tempohnya ialah 90 hari.

Menurut lazimnya, Suruhanjaya itu akan menentukan hari penamaan calon dan pembuangan undi sebaik sahaja Parlimen dibubarkan.

Suruhanjaya itu juga dimestikan memberitahu melalui Warta Kerajaan dan sebuah atau lebih akhbar harian memaklumkan tarikh hari penamaan calon

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia